 - D Meningkatkan taraf pendidikan



Foto 1


8. Apakah faktor fizikal yang mempengaruhi taburan penduduk di kawasan dalam Foto 1 di atas ?
- A Infrastruktur
 - B Governan
 - C Tanah
 - D Iklim

Pernyataan di bawah tentang kepadatan penduduk di sesebuah negara.

Mumbai, India mempunyai keluasan sebanyak 2.1 km² namun demikian populasi penduduknya sekitar 700,000 orang menjadikan kepadatan penduduknya ialah 277,136/km²
(Sumber : World Population Review, 2019)

9. Merujuk kepada pernyataan di atas, apakah masalah yang akan dihadapi oleh negara tersebut ?
- I Perkembangan ekonomi yang perlahan
 - II Kemerosotan kualiti hidup
 - III Pencemaran sumber alam
 - IV Sumber alam terpelihara
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
10. Perpindahan penduduk dari Pulau Jawa ke Sumatera, Sulawesi dan Kalimantan yang bertujuan untuk mengurangkan kepadatan penduduk dikenali sebagai
- A migrasi dalaman
 - B transmigrasi
 - C migrasi antarabangsa
 - D dasar kependudukan

Peta 2 menunjukkan taburan penduduk di sesuatu Kawasan.




Peta 2

11. Berdasarkan Peta 2, apakah faktor yang mempengaruhi taburan penduduk di kawasan yang berlorek?
- A Tanah
 - B Iklim
 - C Governan
 - D Bentuk muka bumi

12. Antara berikut yang manakah merupakan kesan sosial taburan penduduk padat ?
- A Masalah setinggan
 - B Pencemaran udara
 - C Insfrastruktur terhad
 - D Kekurangan sumber semula jadi
13. Yang manakah antara berikut merupakan kawasan yang paling padat penduduk di dunia ?
- A Norway
 - B Beijing , China
 - C Kalimantan , Indonesia
 - D Mount Popa, Myanmar

Peta 3 berkaitan transmigrasi di Indonesia.



Peta 3

14. Mengapakah Indonesia melaksanakan transmigrasi tersebut ?
- A Proses urbanisasi
 - B Berlaku letusan gunung berapi
 - C Memperluaskan saiz pasaran domestik
 - D Mengurangkan dan meningkatkan jumlah penduduk di sesuatu kawasan
15. Antara berikut yang manakah merupakan kesan taburan penduduk jarang ?
- I Insfrastruktur terhad
 - II Masalah kemiskinan
 - III Pencemaran sumber alam
 - IV Sumber alam terpelihara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BAHAGIAN B: STRUKTUR

Soalan 1 berdasarkan maklumat di bawah.

Sumber 1

5 Mac 2016: Pemerintah Mexico City telah mengeluarkan arahan pengurangan lalu lintas pada Selasa dan mencadangkan rakyatnya agar tidak keluar rumah kerana pencemaran udara yang serius.

Reuters melaporkan, amaran pencemaran berkaitan lapisan ozon itu adalah di paras kedua tertinggi dan yang pertama dalam tempoh 13 tahun.

Keadaan yang membimbangkan itu sedang berlangsung, dengan penduduk diingatkan untuk berada di dalam bangunan antara jam 1 petang hingga 7 malam.

Pe Pemerintah menyatakan bahawa langkah mengeluarkan amaran tersebut diambil berikutan 'peningkatan yang luar biasa' dalam kepadatan ozon.

Perkembangan itu berpunca daripada sistem tekanan tinggi serta radiasi solar yang kuat di Mexico City, yang berpenduduk 20 juta orang.

Keadaan ozon semasa menunjukkan penghasilan jerebu,

ia boleh menyebabkan kesukaran bernafas dan menambah buruk komplikasi berkaitan jantung, selain meletakkan golongan kanak-kanak dan warga tua dalam risiko kesihatan.

Sumber : Berita Harian (Berita Dunia), 2016

Sumber 2

5 January 2017 : Jarak antara Flamingo Crescent dan Santini di Cape Town di Afrika Selatan hanyalah 20 kilometer, namun taraf kehidupan dan suasana dua kawasan setinggan ini jauh berbeza. Perbezaan itu menunjukkan kesungguhan penduduknya dalam meningkat dan memperbaiki kehidupan mereka.

Bandar miskin, sesak dan berselerak adalah pemandangan biasa di Cape Town apabila satu pertiga daripada 3.7 juta penduduknya tinggal di kawasan setinggan yang mempunyai akses terhad untuk keperluan asas seperti bekalan air bersih, elektrik dan tandas.

Pertambahan penduduk bandar juga berlaku dengan pantas kerana ramai masyarakat kampung yang berhijrah ke kota untuk mencari pekerjaan dan kehidupan lebih baik. Ia secara tidak langsung merangsang pertumbuhan penempatan setinggan.

Di seluruh dunia dianggarkan 900 juta orang tinggal di kawasan setinggan yang mempunyai akses terhad kepada keperluan asas .

Sumber : Harian Metro, 2017

1 (a) Nyatakan negara yang mengalami fenomena seperti dalam **Sumber 1** dan **Sumber 2**.

(i) :

(ii) :

[2 markah]

(b) Bagaimanakah fenomena tersebut memberi kesan kepada kualiti hidup penduduk di kawasan terlibat?

.....
.....
.....

[2 markah]

(c) Jelaskan kesan tumpuan dan kepadatan penduduk terhadap alam sekitar fizikal di kawasan berkenaan.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(d) Cadangkan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan masalah di dalam negara dalam **Sumber 1 dan Sumber 2**, tanpa menjejaskan pembangunan sesebuah negara.


.....
.....
.....
.....

[3 markah]

Soalan 2 berdasarkan Foto 1 dan Peta 1 di bawah.



Foto 1



Peta 1

2 (a) Nyatakan kegiatan ekonomi utama bagi negara penduduk padat di atas

..... [1 markah]

(b) Beri ulasan anda bagaimana faktor sosial mempengaruhi taburan penduduk padat di negara tersebut.

.....
.....
..... [2 markah]

(c) Jelaskan kesan taburan penduduk padat di negara tersebut.

.....
.....
..... [3 markah]

(d) Pada pendapat anda, bagaimanakah kualiti sumber manusia mempengaruhi pembangunan sosio-ekonomi di negara tersebut ?


.....
.....
.....
..... [4 markah]

BAHAGIAN C: ESEI

1(a) Di atas Peta 1: Dunia, namakan:

- (i) Negara bertanda **P** yang berpenduduk padat.
- (ii) Negara bertanda **Q** yang berpenduduk padat.
- (iii) Kawasan bertanda **R** yang berpenduduk jarang.
- (iv) Kawasan bertanda **S** yang berpenduduk jarang.

[4 markah]



Peta 1: Dunia

P	
Q	

R	
S	

Foto 2 di bawah menunjukkan kawasan gurun pasir.



Foto 2

- (b) Terangkan faktor fizikal yang mempengaruhi taburan penduduk di kawasan Foto 2.
- (c) Jelaskan kesan taburan penduduk jarang di kawasan berkenaan terhadap sosioekonomi penduduk.
- (d) Cadangkan langkah yang boleh diambil untuk memaju dan membangunkan kawasan berkenaan.

[4 markah]

[4 markah]

[8 markah]

Soalan 2 berdasarkan foto di bawah.



Foto A



Foto B

- (a) Mengapakah sesetengah kawasan mempunyai taburan penduduk seperti di Foto A? [6 *markah*]
- (b) Huraikan kesan-kesan taburan penduduk di kawasan **Foto A** dan **Foto B**. [8 *markah*]
- (c) Jika keadaan seperti Foto A terus berlaku apakah langkah-langkah persediaan yang perlu dilakukan untuk mengurangkan impak ke atas alam sekitar dan manusia. [6 *markah*]

TAMAT

BAB 12: PERTUMBUHAN PENDUDUK DUNIA

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi **Bahagian A Bahagian B dan Bahagian C**.
Jawab **semua** soalan.

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

Maklumat berikut adalah faktor kependudukan sesebuah negara.

- Kadar kelahiran
- Kadar kematian
- Migrasi

1. Faktor tersebut mempengaruhi
- A taraf hidup
 - B jangka hayat
 - C taraf kesihatan
 - D pertumbuhan penduduk


- Kadar kelahiran : 2.53%
- Kadar kematian : 0.4%

2. Berapakah kadar pertumbuhan penduduk semula jadi Negara X?
- A 1.05%
 - B 2.13%
 - C 2.53%
 - D 3.05%

- Peratus penduduk muda rendah
- Peratus penduduk tua rendah

3. Apakah yang akan dialami oleh negara yang mempunyai ciri kependudukan berikut?
- A Ada lebih pendapatan negara
 - B Taraf hidup makin meningkat
 - C Kekurangan tenaga kerja pada masa depan
 - D Ekonomi negara meningkat

4. Apakah ciri kependudukan bagi negara yang mengalami jenis piramid di bawah?



- A Kadar kelahiran tinggi
 B Kadar kematian tinggi
 C Jangka hayat rendah
 D Jangka hayat tinggi
5. Antara berikut yang manakah menyumbang kepada pertumbuhan penduduk yang positif?
 I Bencana alam
 II Kestabilan politik
 III Amalan gaya hidup sihat
 IV Taraf pendidikan rendah
 A I dan II
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV
6. Mengapakah berlaku struktur Piramid Penduduk Terganggu?
 A Kejayaan amalan perancangan keluarga
 B Wabak penyakit
 C Taraf hidup rendah
 D Kemajuan ekonomi
7. Apakah yang digambarkan oleh sesebuah rajah piramid penduduk dari aspek sosioekonomi?
 A Bekalan tenaga kerja
 B Nisbah tanggungan
 C Jangka hayat
 D Kemajuan ekonomi
8. Apakah contoh negara yang mempunyai piramid penduduk stabil?
 A Jepun
 B Zimbabwe
 C Malaysia
 D Filipina

9. Antara berikut faktor manakah menyebabkan perubahan dalam jumlah penduduk?
- I Kadar kesuburan
 - II Pencemaran alam sekitar
 - III Kesusakan di bandar
 - IV Penghijrahan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

10. Apakah kesan terhadap negara yang mempunyai ciri kependudukan berikut?

- Jumlah penduduk ramai
 - Sumber terhad
 - Tahap teknologi rendah

- A Taraf kesihatan tinggi
- B Kadar upah meningkat
- C Kadar celik huruf tinggi
- D Peluang pekerjaan terhad

11. Apakah ciri kependudukan di negara yang mengalami lebih penduduk?

- A Taraf hidup tinggi
- B Jangka hayat tinggi
- C Tahap teknologi rendah
- D Peluang pekerjaan banyak

- Kadar kelahiran : 3.0%
- Kadar kematian : 1.5%
- Migrasi bersih: 1.7%


12. Berdasarkan maklumat di atas, berapakah kadar pertumbuhan penduduk Negara Y?

- A 1.5%
- B 3.2%
- C 4.5%
- D 6.2%

13. Antara berikut yang manakah kesan kurang penduduk kepada pasaran buruh sesebuah negara?

- I Import buruh meningkat.
 - II Jumlah pekerja akan bertambah
 - III Penduduk bebas memilih pekerjaan
 - IV Penggunaan jentera dan robotik meningkat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


Rajah di bawah menunjukkan sebuah piramid penduduk sebuah negara.



14. Piramid penduduk negara tersebut mungkin
- Jepun
 - Zimbabwe
 - Malaysia
 - Filipina
15. Apakah langkah untuk mengatasi masalah kependudukan di negara kurang penduduk?
- Melanjutkan umur bersara
 - Amalan perancang keluarga
 - Meningkatkan taraf pendidikan
 - Meningkatkan kemasukan tenaga kerja asing
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

BAHAGIAN B: STRUKTUR

Rajah 1 menunjukkan sebuah piramid penduduk bagi negara Z.



Rajah 1

- 1 (a) Namakan jenis piramid penduduk dalam Rajah 1.

.....

[1 markah]

- (b) Berikan dua contoh negara yang mempunyai piramid penduduk seperti dalam Rajah 1.

.....

[2 markah]

- (c) Berdasarkan Rajah 1, tafsirkan bentuk piramid tersebut.

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

- (d) Jelaskan ciri-ciri kependudukan piramid penduduk dalam Rajah 1.

.....

.....


.....

.....


.....

[4 markah]

Rajah di bawah menunjukkan perubahan piramid penduduk dari Rajah 1 ke Rajah 2.



Rajah 1



Rajah 2

2 (a) Namakan piramid penduduk bagi:

Rajah 1:

Rajah 2:

[2 markah]

(b) Apakah ciri-ciri piramid penduduk bagi Rajah 1?

.....

[2 markah]

(c) Jelaskan perubahan ciri-ciri kependudukan dari Piramid Penduduk Rajah 1 ke Piramid Penduduk Rajah 2.

.....

[3 markah]

(d) Terangkan kesan kependudukan di negara yang mempunyai ciri-ciri piramid penduduk dalam rajah 2.

.....

[3 markah]

BAHAGIAN C: ESEI

Jadual 1 menunjukkan kadar kelahiran kasar penduduk Malaysia antara tahun 2014 hingga tahun 2017.

Tahun	Kadar Kelahiran Kasar Penduduk Malaysia (bagi setiap 1000 orang)
2014	17.2
2015	16.7
2016	16.1
2017	16.1

Jadual 1

Sumber: *jabatan Perangkaan Malaysia*

- 1(a) Merujuk Jadual 1, terangkan faktor yang mempengaruhi trend perubahan kadar kelahiran kasar penduduk Malaysia antara tahun 2014 hingga tahun 2017. [6 markah]
- (b) Jika trend kadar kelahiran kasar penduduk Malaysia seperti dalam jadual 1 berterusan, bagaimanakah kerajaan boleh memastikan pembangunan ekonomi negara terus berkembang? [8 markah]
- (c) Bagaimanakah imigrasi boleh memberikan kesan yang positif dalam trend perubahan kadar kelahiran kasar penduduk di Malaysia? [6 markah]


Jadual 2 menunjukkan ciri demografi penduduk negara **R** antara tahun 2009 hingga tahun 2013.

Tahun	Ciri Demografi (peratus)	
	Kadar kelahiran (%)	Kadar Kematian (%)
2009	17.9	4.7
2010	17.2	4.6
2011	17.6	4.7
2012	17.8	4.7
2013	16.3	4.7

Jadual 2

- 2(a) Berdasarkan jadual 2, bagaimanakah kadar kematian penduduk di Malaysia dapat dikurangkan? [4 markah]
- (b) Wajarkah kerajaan Malaysia menggalakkan peningkatan kadar kelahiran penduduk? Berikan alasan anda. [4 markah]

Bilangan Penduduk Negara X Mengikut Jantina dan Kumpulan Umur pada Tahun 2005 dan 2015



- (c) Terangkan perbezaan ciri kependudukan negara **X** antara tahun 2005 dan tahun 2015. [4 markah]
- (d) Huraikan langkah-langkah yang boleh dilaksanakan untuk menangani perubahan penduduk pada tahun 2015. [8 markah]

TAMAT

BAB 13: MIGRASI PENDUDUK

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi **Bahagian A**, **Bahagian B** dan **Bahagian C**.
Jawab **semua** soalan.

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

1. Pernyataan manakah paling tepat menerangkan konsep migrasi ?
 - A Perpindahan sementara penduduk dari satu tempat ke tempat yang lain dengan tujuan tertentu
 - B Perpindahan kekal penduduk dari satu tempat ke tempat yang lain dengan tujuan tertentu
 - C Perpindahan penduduk dari satu tempat ke tempat yang lain sama ada secara kekal atau sementara
 - D Perpindahan penduduk dari satu tempat ke tempat yang lain sama ada dengan tujuan atau tanpa tujuan.

2. Sekiranya Zii Jia telah berpindah dari pekan Kuala Kedah ke Alor Setar, maka Zii Jia telah melakukan migrasi
 - A luar bandar ke bandar
 - B luar bandar ke luar bandar
 - C bandar ke luar bandar
 - D bandar ke bandar

Berikut adalah maklumat tentang salah satu situasi migrasi

- **Kithamisu telah berpindah dari negara matahari terbit ke Kuala Lumpur bagi meluaskan kerjayanya.**

3. Apakah jenis migrasi yang dilakukan oleh Kithamisu?
 - A Imigrasi ke Malaysia
 - B Emigrasi ke Malaysia
 - C Imigrasi ke Jepun
 - D Emigrasi ke Jepun


4. Mengapakah penduduk di sesuatu tempat perlu bermigrasi?
 - A Terdapat banyak peluang pekerjaan
 - B Mempunyai kemudahan perkhidmatan
 - C Penawaran kadar upah yang minimum
 - D Mempunyai peluang pendidikan yang banyak

5. Antara berikut, padanan situasi dengan jenis migrasi manakah yang tepat?
- I Rauf berpindah dari Felda Besout ke Felda Trolak – Luar bandar ke luar bandar
 - II Siva telah berpindah dari Kuching ke Ipoh – Luar bandar ke bandar
 - III Lim telah berpindah dari Kuala Lumpur ke Yan, Kedah – Bandar ke bandar
 - IV Lily telah berpindah dari Sri Aman ke Ipoh – Luar bandar ke bandar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
6. Antara berikut, yang manakah merupakan faktor tarikan migrasi ke sesuatu tempat?
- I Peluang pekerjaan yang banyak
 - II Mempunyai institusi pengajian tinggi
 - III Banyak upah yang ditawarkan tidak setimpal
 - IV Pasaran tempatan yang kecil
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
7. Negara Malaysia sering menjadi lokasi pilihan pekerja asing untuk berhijrah kerana
- A mempunyai peluang pendidikan yang lebih banyak
 - B merupakan negara yang paling menjadi kebajikan pekerja
 - C menawarkan pelbagai peluang pekerjaan
 - D merupakan negara yang politik tidak stabil
8. Apakah kesan peningkatan pekerja asing kepada rakyat tempatan?
- A Membangunkan kawasan baharu
 - B Meningkatkan taraf hidup migran
 - C Meningkatkan taraf hidup rakyat
 - D Meningkatkan kadar pengangguran rakyat
9. Kadar migrasi yang tinggi ke bandar besar akan memberikan kesan kepada kawasan yang ditinggalkan iaitu
- A kawasan tersebut semakin membangun
 - B menyebabkan kekurangan tenaga kerja
 - C meningkatkan persaingan pekerjaan
 - D peningkatan masalah sosial
10. Mengapakah kebanyakan rumah setinggan wujud di kawasan ibu kota yang membangun?
- A Kekurangan tempat tinggal
 - B Kurang kemampuan untuk menyewa rumah
 - C Kadar upah tinggi membolehkan mereka membina rumah sendiri
 - D Pekerja mempunyai kepakaran membina rumah setinggan

11. Bagaimanakah desakan ekonomi boleh membawa kepada migrasi antarabangsa?
- A Berlaku peperangan di negara asal migran
 - B Kekurangan sumber makanan di negara asal migran
 - C Persaingan dapat mendapatkan peluang pekerjaan di negara asal migran
 - D Berlaku bencana alam yang mengancam nyawa migran di negara asal
12. Rafidah yang merupakan seorang pakar perubatan di Malaysia ingin bermigrasi ke London. Apakah kesannya kepada Malaysia?
- A Peningkatan penyakit berjangkit
 - B Pengaliran keluar tenaga profesional
 - C Pengurangan kepadatan penduduk
 - D Pengaliran keluar mata wang Malaysia
13. Langkah yang manakah paling efektif untuk menyelesaikan masalah pengangguran penduduk di luar bandar?
- A Membangunkan kemudahan asas di luar bandar seperti kemudahan rekreasi
 - B Memodenkan sektor pertanian dengan meningkatkan penggunaan jentera moden berbanding tenaga buruh
 - C Menyelerakkan kemudahan pendidikan dan tidak tertumpu di kawasan bandar sahaja
 - D Menyebarkan pembangunan industri dan pembangunan Industri Kecil dan Sederhana di luar bandar.
14. Bagaimanakah kerajaan boleh meningkatkan pengambilan pekerja tempatan berbanding pekerja asing tanpa membebankan majikan untuk membayar kos upah yang tinggi kepada pekerja tempatan?
- A Mengurangkan cukai keuntungan kepada majikan yang mengambil pekerja tempatan
 - B Menyediakan kemudahan asrama sebagai insentif kepada penduduk tempatan
 - C Meningkatkan kemahiran pekerja tempatan agar boleh membuat kerja dengan lebih produktif
 - D Mengetatkan undang - undang pengambilan pekerja asing untuk bekerja dalam pelbagai sektor ekonomi
15. Antara masalah yang timbul akibat kebanjiran buruh asing di Malaysia ialah
- I Pasaran barangan terhad
 - II Pengaliran wang keluar menurun
 - III Masalah sosial dan jenayah meningkat
 - IV Kadar pengangguran warga tempatan meningkat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

BAHAGIAN B: STRUKTUR

Carta 1: Taburan Peratus Migran Dalam Mengikut Arah Aliran Migrasi (Strata) pada Tahun 2007 hingga 2014 di Malaysia.



Sumber : *Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)*

- 1 (a) Nyatakan dua jenis migrasi yang dominan dalam carta 1.

.....

[2 markah]

- (b) Terangkan pola migrasi bagi penduduk yang bermigrasi dari bandar ke bandar.

.....

[3 markah]

- (c) Sekiranya emigrasi semakin meningkat di sesuatu kawasan, terangkan kesannya terhadap kawasan yang ditinggalkan.

.....


[3 markah]

- (d) Apakah impak positif migrasi ke atas sosioekonomi sesuatu kawasan?

.....

[2 markah]

Peta 1 menunjukkan aliran migrasi dalaman yang berlaku di Sarawak.



Peta 1

2 (a) Nyatakan jenis migrasi dalaman yang berlaku dalam Peta 1.

.....

[1 markah]

(b) Jelaskan faktor tolakan yang menyebabkan migrasi dari X, Y dan Z ke A.

.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Peningkatan imigrasi warga asing akan memberikan impak terhadap ekonomi negara. Jelaskan impak tersebut.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(d) Apakah langkah yang boleh dijalankan untuk mengurangkan kadar migrasi dalam negara?

.....
.....
.....

[2 markah]

BAHAGIAN C: ESEI

- 1(a) Mengapakah migrasi bandar ke bandar adalah tinggi? [6 markah]
- (b) Jelaskan kesan negatif migrasi dalaman terhadap kawasan yang dituju. [6 markah]
- (c) Sekiranya anda seorang perancang bandar, huraikan usaha yang boleh di lakukan untuk mengelakkan migrasi keluar penduduk dari luar bandar ke bandar. [8 markah]
- 2(a) Jelaskan dua jenis migrasi yang berlaku di Malaysia. [4 markah]
- (b) Jelaskan faktor yang menyumbang kepada peningkatan migrasi warga asing terutamanya pendatang asing tanpa izin (PATI) ke Malaysia. [4 markah]
- (c) "Kadar migrasi yang tinggi dalam kalangan warga asing ke negara kita telah memberikan impak negatif terhadap aspek social". Jelaskan pendapat anda tentang pernyataan ini. [4 markah]
- (d) Sekiranya anda merupakan pegawai kerajaan yang dilantik untuk menguruskan masalah pendatang tanpa izin (PATI) yang diambil bekerja di Malaysia, jelaskan tindakan yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini. [8 markah]


TAMAT

BAB 14: PETEMPATAN

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A Bahagian B dan Bahagian C.
Jawab **semua** soalan.

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

Rajah menunjukkan hierarki petempatan.



1. Jumlah populasi bagi hierarki petempatan X di atas ialah
A 20 000
B 100 000
C 1 000 000
D Melebihi 3 000 000

Pernyataan berikut berkaitan dengan pola petempatan.

Susun atur rumah dan bangunan terletak dalam satu barisan atau deretan

2. Apakah pola petempatan tersebut?
A Berjajar
B Berpusat
C Berselerak
D Berkelompok
3. "Konurbasi" merujuk kepada
A perebakan bandar
B perubahan taraf bandar
C perubahan fungsi bandar
D percantuman bandar-bandar berdekatan


Pernyataan berikut berkaitan petempatan bandar.

- Cyberjaya
- Putrajaya

4. Apakah faktor utama yang mempengaruhi perkembangan petempatan berikut?
A Sosial
B Fizikal
C Ekonomi
D Governan

Pernyataan di bawah tentang petempatan luar bandar.

- Petempatan terancang
- Tanaman kontan
- Bertujuan membasmi kemiskinan



Peta 1

5. Pernyataan di atas merujuk kepada petempatan yang bertanda
- A I
 - B II
 - C III
 - D IV
6. Antara yang berikut, bandar yang manakah perkembangan awalnya berkaitan dengan kegiatan perlombongan?
- I Kerteh
 - II Kuznetsk
 - III Wolfberg
 - IV Yokohama
- A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV
7. Kombinasi manakah benar tentang bandar dan fungsinya?

	Bandar	Fungsi bandar
I	Paris	Bandar Pentadbiran
II	Shah Alam	Bandar Perindustrian
III	Lumut	Bandar Teknologi Maklumat
IV	Cadaques	Bandar Pelancongan

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

Pernyataan berikut tentang sebuah bandar.

Bandar Q
<ul style="list-style-type: none">• Di pinggir bandar besar• Kawasan perumahan yang terancang• Jaringan jalan raya lengkap

8. Berdasarkan maklumat di atas, bandar Q ialah sebuah
- A bandar diraja
 - B bandar satelit
 - C bandar sempadan
 - D bandar pendidikan

Berikut adalah pernyataan berkaitan petempatan bandar.

<ul style="list-style-type: none">• Padang Besar• Rantau Panjang


9. Apakah persamaan fungsi petempatan bandar-bandar di atas?
- A Bandar pertahanan
 - B Bandar pendidikan
 - C Bandar sempadan
 - D Bandar perlombongan

Pernyataan di bawah adalah tentang petempatan luar bandar.

<ul style="list-style-type: none">• KEJORA• KESEDAR
--

10. Apakah aktiviti yang boleh dikaitkan dengan petempatan berikut?
- A Perlombongan
 - B Pelancongan
 - C Perikanan
 - D Pertanian

Peta 2 di bawah berkaitan petempatan bandar.



Peta 2


11. Kawasan yang bertanda X, Y dan Z dalam peta 2 di atas mempunyai persamaan sebagai bandar
- perikanan
 - pelabuhan
 - pelancongan
 - perlombongan
12. Apakah fungsi bandar Port Dickson?
- Bandar pertahanan
 - Bandar sempadan
 - Bandar satelit
 - Bandar diraja

Berikut adalah ciri petempatan di kawasan bandar besar di Malaysia.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none"> Banyak bangunan tinggi Dibina secara rapat |
|---|

13. Mengapakah kawasan bandar besar mempunyai corak petempatan sedemikian?
- Gaya hidup moden
 - Tenaga buruh yang ramai
 - Nilai tanah semakin tinggi
 - Menggalakkan kedatangan pelancong
14. Antara berikut, yang manakah sumbangan kawasan luar bandar kepada bandar?
- Menyediakan pasaran
 - Membekalkan tenaga buruh
 - Membekalkan bahan mentah
 - Menyediakan peluang pekerjaan
- I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV

Peta 3 menunjukkan kawasan petempatan di Malaysia.



Peta 3

15. Mengapakah kerajaan membangunkan kawasan berlorek dalam Peta 3?
- Membasmi kemiskinan
 - Membekalkan sumber air bersih
 - Menjamin keselamatan penduduk
 - Mewujudkan kemudahan komunikasi

BAHAGIAN B: STRUKTUR

Soalan 1 berdasarkan Foto 1.



Petempatan X




Petempatan Y

Foto 1

- 1 (a) Namakan jenis petempatan **X** dan **Y** dalam Foto 1.
- (i) **X** :
- (ii) **Y** : [2 markah]
- (b) Nyatakan jenis-jenis pola petempatan.
- (i)
- (ii) [2 markah]
- (c) Jelaskan perbezaan antara ciri petempatan **X** dengan ciri petempatan **Y**.
-
-
-
- [3 markah]
- (d) Kemajuan pesat di petempatan **X** banyak dibantu oleh petempatan **Y**.
Terangkan sumbangan petempatan **Y** kepada petempatan **X**.
-
-
-
- [3 markah]

Rajah 1: Petempatan Estet di Semenanjung Malaysia pada tahun 2019



Sumber : Laporan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara

Rajah 1

- 2 (a) Apakah pola petempatan yang wujud di kawasan petempatan estet?
 [1 markah]
- (b) Terangkan faktor yang mempengaruhi pola-pola petempatan di Malaysia?

 [2 markah]
- (c) Pada pendapat anda, mengapa negeri Selangor dan Melaka mempunyai petempatan estet yang rendah ?

 [3 markah]
- (d) Huraikan usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membantu meningkatkan perkembangan ekonomi di kawasan luar bandar.


 [4 markah]

BAHAGIAN C: ESEI



- 1 (a) Apakah faktor yang mempengaruhi perletakan petempatan luar bandar ? [4 markah]
- (b) Jelaskan bagaimana hierarki petempatan luar bandar boleh berkembang menjadi bandar raya? [4 markah]
- (c) Petempatan luar bandar dan bandar saling bergantung antara satu sama lain. Huraikan sumbangan petempatan bandar kepada luar bandar. [8 markah]
- (d) Bandar raya Kuala Lumpur merupakan salah satu contoh petempatan bandar yang terdapat di negara Malaysia. Terangkan ciri petempatan bandar tersebut. [4 markah]

- 2 (a) Di atas Peta 1, namakan:
- (i) Ibu negeri bertanda **P**
 - (ii) Bandar sempadan bertanda **Q**
 - (iii) Bandar diraja bertanda **R**
 - (iv) Bandar pelabuhan bertanda **S**
- [4 markah]



Peta 1: Malaysia

A	
B	

C	
D	

- (b) Jelaskan fungsi bandar satelit di Malaysia. [4 *markah*]
- (c) Huraikan kesan ekonomi dan sosial yang berlaku akibat
perluasan kawasan petempatan bandar. [8 *markah*]
- (d) Apakah langkah-langkah yang boleh diambil bagi mengatasi kesan
di (c) ? [4 *markah*]

TAMAT

BAB 15: URBANISASI

Arahan: Kertas soalan ini mengandungi Bahagian A Bahagian B dan Bahagian C.
Jawab **semua** soalan.

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

1. Faktor yang mempengaruhi proses pemandaran dikaitkan dengan peningkatan
 - A kadar jenayah
 - B jumlah penduduk
 - C emigrasi penduduk
 - D jangka hayat penduduk
2. Proses pemandaran di Malaysia dipengaruhi oleh
 - A kesesakan lalu lintas
 - B kadar upah yang tinggi
 - C pemodenan sektor pertanian
 - D perkembangan sektor perindustrian
3. Kadar perubahan penduduk bandar merangkumi
 - A taraf hidup meningkat
 - B tahap pendidikan tinggi
 - C migrasi masuk yang pesat
 - D teknologi perubatan moden

Maklumat berikut berkaitan dua bandar di Malaysia.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Bayan Lepas, Pulau Pinang• Pasir Gudang, Johor |
|---|

4. Mengapakah dua buah bandar tersebut berkembang pesat?
 - A Zon perdagangan bebas
 - B Mempunyai tanah yang subur
 - C Merupakan tempat bersejarah
 - D Kawasan agro pelancongan
5. Kegiatan memproses sumber mineral telah mempengaruhi proses urbanisasi di
 - A Miri, Sarawak
 - B Temerloh, Pahang
 - C Kundasang, Sabah
 - D Rantau Panjang, Kelantan

Berikut adalah bandar di Semenanjung Malaysia.

- Ipoh
- Taiping
- Kuala Lumpur

6. Apakah faktor awal kewujudan bandar tersebut?
- A Ibu negeri
 - B Tanah yang subur
 - C Kawasan penanaman getah
 - D Kawasan perlombongan bijih timah

Berikut adalah ciri-ciri bandar raya Kuala Lumpur.

- Kawasan hijau semakin berkurang
- Jalan raya dibina bertingkat - tingkat
- Bangunan pencakar langit pesat didirikan

7. Apakah faktor yang menyebabkan wujudnya keadaan tersebut ?
- A Kepadatan penduduk tinggi
 - B Kemudahan infrastruktur lengkap
 - C Taraf hidup semakin meningkat
 - D Kekerapan berlaku banjir

Pernyataan berikut tentang ciri sesebuah bandar.

- Banyak bangunan konkrit
- Kurang tumbuhan hijau
- Jalan raya berturap

8. Apakah fenomena yang akan berlaku sekiranya kawasan bandar mempunyai ciri berikut?
- A Jerebu
 - B Hujan asid
 - C Pulau haba
 - D Kesan rumah hijau
9. Antara yang berikut, yang manakah merupakan kesan perkembangan pesat pembandaran kepada alam sekitar fizikal?
- I Perubahan landskap
 - II Masalah pengangguran
 - III Kebanjiran migran asing
 - III Peningkatan suhu setempat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

Foto 1 menunjukkan petempatan di Malaysia.



Foto 1

10. Apakah kesan perkembangan petempatan tersebut terhadap cuaca?
 - A Pulau haba
 - B Hujan asid
 - C Kesan rumah hijau
 - D Penipisan lapisan ozon

11. Langkah untuk mengatasi masalah petempatan setinggan di Malaysia ialah
 - A membina bandar baharu
 - B membina rumah kos rendah
 - C menambahkan peluang pekerjaan
 - D memajukan kawasan tanah terbiar

12. Mengapakah kawasan hijau diwujudkan di bandar ?
 - I Mengindahkan bandar
 - II Menyerap karbon dioksida
 - III Sistem perparitan tersumbat
 - IV Banyak kawasan permukaan konkrit
 - A I dan II
 - B II dan III
 - C III dan IV
 - D I dan IV

13. Apakah langkah untuk mengatasi masalah banjir kilat di bandar-bandar besar?
 - A Meluaskan kawasan hijau
 - B Memasang perangkap sampah
 - C Membina jalan raya bertingkat
 - D Memperbaiki sistem perparitan

Maklumat berikut merupakan masalah pembandaran.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Pencemaran udara• Peningkatan suhu |
|---|

14. Apakah langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan masalah tersebut?

- I Membuka bandar baru
 - II Menggunakan LRT
 - III Mewujudkan kawasan hijau
 - IV Menaikkan taraf jalan raya
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

15. Antara kombinasi berikut, yang manakah benar tentang masalah pembandaran dan langkah mengatasinya?

	Masalah Pembandaran	Langkah Mengatasi
A	Banjir kilat	Membina bangunan bertingkat
B	Peningkatan suhu	Menghijaukan kawasan bandar
C	Pengangguran	Meningkatkan penggunaan teknologi
D	Kesesakan lalu lintas	Menambah lebih banyak lampu isyarat

BAHAGIAN B: STRUKTUR

Foto 1 menunjukkan kawasan petempatan.



Foto 1

- 1 (a) Apakah proses yang terlibat dalam Foto 1 ?

..... [1 markah]

- (b) Terangkan faktor sosioekonomi yang mempengaruhi proses di 1(a).

.....
.....
..... [2 markah]

- (c) Jelaskan kesan negatif proses tersebut terhadap aspek social.

.....
.....
..... (3 markah)

- (d) Cadangkan langkah-langkah untuk mengurangkan kesan pempandaran seperti di 1(c)


.....
.....
..... [4 markah]

2 (a) Di atas Peta 1, namakan:

- (i) Bandar sempadan bertanda **J**
- (ii) Bandar pelabuhan bertanda **K**
- (iii) Bandar perlombongan bertanda **L**
- (iv) Bandar pentadbiran bertanda **M**

[4 markah]

Soalan 2 berdasarkan Peta 1.



Peta 1 : Malaysia

A	
B	

C	
D	

(b) Senaraikan faktor yang mempengaruhi perkembangan bandar M

.....

.....

.....

.....

[3 markah]

(c) Terangkan langkah- langkah yang boleh diambil bagi mewujudkan sebuah bandar lestari ?

.....

.....


.....

.....

[3 markah]

BAHAGIAN C: ESEI

1 (a) Soalan 1 berdasarkan Peta 2.



Peta 2 : Malaysia

- Berdasarkan Peta 2, mengapakah kebanyakan bandar besar terletak di pantai barat Semenanjung Malaysia? [4 markah]
- (b) Jelaskan mengapakah sesebuah kawasan di Malaysia mengalami proses urbanisasi? [6 markah]
- (c) Terangkan impak yang akan berlaku terhadap alam sekitar sekiranya proses urbanisasi tidak dirancang dengan baik. [4 markah]
- (d) Sekiranya anda seorang perancang bandar, cadangkan usaha-usaha yang boleh anda jalankan untuk mewujudkan sebuah bandar yang mesra alam. [6 markah]

Foto 2 menunjukkan fenomena banjir di kawasan bandar.



Foto 2

- 2 (a) Terangkan faktor urbanisasi yang menyebabkan berlakunya fenomena dalam Foto 2. [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan-kesan yang mungkin akan timbul akibat kejadian tersebut terhadap manusia di kawasan bandar. [4 markah]
- (c) Huraikan langkah-langkah yang boleh dijalankan untuk mengurangkan berlakunya fenomena tersebut di kawasan bandar. [8 markah]
- (d) Mengapakah wujudnya bandar-bandar seperti Petaling Jaya dan Damansara di sekitar bandar raya Kuala Lumpur? [4 markah]

TAMAT

**CADANGAN JAWAPAN
KEMAHIRAN GEOGRAFI SET 1**

1 (a)	278° / 279° / 280° 277° / 281°	1 markah 2 markah
(b)	i) Bukit Kayan / Bt. Kayan ii) RG150838	1 markah 2 markah
(c)	<p>Ciri Fizikal F1 Bukit F2 Sungai F3 Hutan F4 Belukar, ruing</p> <p>Ciri Budaya F1 jalan raya F2 Getah F3 Gereja F4 Kubur F5 Petempatan F6 Kelapa sawit F7 Empangan F8 Stesen trigonometri</p> <p style="text-align: right;"><i>Pilih mana-mana 4</i></p>	4 markah
(e)	<p>Kesan ke atas alam sekitar. F1 Mengakibatkan flora musnah F2 Mengakibatkan fauna musnah F3 Menyebabkan tanah runtuh F4 Menyebabkan hakisan tanah F5 Mengakibatkan pencemaran air F6 Peningkatan suhu F7 Perubahan landskap</p> <p style="text-align: right;"><i>Pilih mana-mana 3</i></p>	3 markah
(f)	<p>Usaha-usaha mengurangkan kesan. F1 Kuat kuasa undang-undang F2 Kempen kesedaran alam sekitar F3 Pendidikan alam sekitar F4 Bina tembok F5 Tanam semula pokok</p> <p style="text-align: right;"><i>Pilih mana-mana 3</i></p>	3 markah

TAMAT

**CADANGAN JAWAPAN
KEMAHIRAN GEOGRAFI SET 2**

1 (a)	F1 734 meter	1 markah
(b)	<p>i) Apakah pola petempatan di Kg.Muhibbah pada segi empat grid di atas?</p> <p>F1 Pola petempatan berpusat</p> <p>ii) Mengapakah pola petempatan berbentuk sedemikian?</p> <p>F1 Bentuk muka bumi /tanah pamah F2 Pelbagai kegiatan ekonomi F3 Banyak bangunan penting seperti sekolah F4 Penduduk ramai F5 Jaringan jalan banyak</p> <p style="text-align: right;"><i>Pilih mana-mana 3</i></p>	<p>1 markah</p> <p>3 markah</p>
(c)	<p>43° / 44° / 45°</p> <p>42° / 46°</p>	<p>2 markah</p> <p>1 markah</p>
(d)	<p>Kepentingan pembinaan jaringan jalan keretapi kepada penduduk sekitar.</p> <p>F1 Meningkatkan darjah ketersampaian H1 Mobiliti penduduk</p> <p>F2 Mengangkut hasil pertanian H2 Getah/kelapa sawit</p> <p>F3 Menyediakan peluang pekerjaan H4 Meningkatkan pendapatan /pekerja keretapi</p> <p>F4 Membangunkan kawasan luar bandar H4 Hasil pertanian dapat dijual</p> <p style="text-align: right;"><i>Pilih mana-mana 4</i></p>	4 markah
(e)	<p>Empat fungsi petempatan Kg. Nibong.</p> <p>F1 Pusat petempatan F2 Pusat pengangkutan F3 Pusat kegiatan ekonomi F4 Pusat pelancongan (ada sumber air panas)</p> <p style="text-align: right;"><i>Pilih mana-mana 4</i></p>	4 markah

TAMAT

CADANGAN JAWAPAN
KEMAHIRAN GRAF SET 1

2(a)	<p>Jadual 1 di bawah menunjukkan Penduduk Malaysia Mengikut Kumpulan Umur bagi Tahun 2010 dan 2020.</p> <table border="1" style="margin: 10px auto; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th rowspan="2" style="width: 20%;">Tahun</th> <th colspan="3" style="width: 80%;">Kumpulan umur</th> </tr> <tr> <th style="width: 25%;">0 - 14 tahun</th> <th style="width: 30%;">15 - 64 tahun</th> <th style="width: 25%;">Melebihi 65 tahun</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: left;">2010 (juta)</td> <td>7.6</td> <td>18.5</td> <td>1.4</td> </tr> <tr> <td style="text-align: left;">2020 (juta)</td> <td>7.8</td> <td>22.5</td> <td>2.2</td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: center;">Jadual 1 <i>Sumber: Banci Penduduk Malaysia 2020</i></p> <p>Skala 1 cm mewakili 2 juta orang.</p> <p>Graf bar berganda</p> <p>Tajuk : 1m Skala : 1m Petunjuk : 1m Paksi X : 1m Paksi Y : 1m Plotan 1x 6 : 6m Jumlah : 11m Maksima : 08m</p>	Tahun	Kumpulan umur			0 - 14 tahun	15 - 64 tahun	Melebihi 65 tahun	2010 (juta)	7.6	18.5	1.4	2020 (juta)	7.8	22.5	2.2	[8 markah]
Tahun	Kumpulan umur																
	0 - 14 tahun	15 - 64 tahun	Melebihi 65 tahun														
2010 (juta)	7.6	18.5	1.4														
2020 (juta)	7.8	22.5	2.2														
(b)	<p>Sumbangan kumpulan umur 15 – 64 tahun terhadap pembangunan negara.</p> <p>F1 Keperluan tenaga buruh F2 Pasaran dalaman F3 Keperluan keselamatan/pertahanan negara F4 Keperluan kepimpinan masa depan</p> <p style="text-align: right;"><i>Pilih mana-mana 3</i></p>	[3 markah]															
(c)	<p>Mengapakah berlaku pertambahan golongan kumpulan umur melebihi 65 tahun. dari tahun 2010 ke 2020 ?</p> <p>F1 Kemajuan perubatan H1 Teknologi/ IJN/Hospital Selayang F2 Gaya hidup sihat H2 Pemakanan seimbang F3 Dasar kerajaan H3 Kemudahan perubatan percuma F4 Pendidikan tinggi H4 Tenaga pakar F5 Kawalan penyakit berjangkit H5 Imunisasi/vaksin</p> <p style="text-align: right;"><i>Pilih mana-mana 4</i></p>	[4 markah]															

TAMAT

CADANGAN JAWAPAN
KEMAHIRAN GRAF SET 2

2.	(a)	<p>Jadual 1 menunjukkan bacaan indeks pencemaran udara (IPU) bagi negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Terengganu, Sarawak dan Pulau Pinang di kawasan terpilih pada tahun 2016.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse; margin: 10px 0;"> <thead> <tr> <th style="width: 15%;">Negeri</th> <th style="width: 20%;">Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur</th> <th style="width: 15%;">Terengganu</th> <th style="width: 15%;">Sarawak</th> <th style="width: 15%;">Pulau Pinang</th> <th style="width: 15%;">Perak</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Indeks Pencemaran Udara (IPU)</td> <td style="text-align: center;">99</td> <td style="text-align: center;">61</td> <td style="text-align: center;">51</td> <td style="text-align: center;">84</td> <td style="text-align: center;">53</td> </tr> </tbody> </table> <p style="text-align: right; margin-right: 50px;"><i>(Sumber: data.gov.my Jabatan Alam Sekitar)</i> Jadual 1</p> <p>Skala: 1 cm mewakili 5 IPU.</p> <p>Graf Garisan</p> <p>Tajuk : 01m Skala : 01m Petunjuk : 01m Paksi X : 01m Paksi Y : 01m Plotan 1x 6 : 05m Jumlah : 10m Maksima : 08m</p>	Negeri	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Terengganu	Sarawak	Pulau Pinang	Perak	Indeks Pencemaran Udara (IPU)	99	61	51	84	53	[8 markah]
Negeri	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Terengganu	Sarawak	Pulau Pinang	Perak										
Indeks Pencemaran Udara (IPU)	99	61	51	84	53										
	(b)	<p>Punca berlakunya perbezaan Indeks pencemaran udara pada tahun 2016.</p> <p>F1 Aktiviti manusia/ Kegiatan ekonomi H1 Perindustrian/ perkilangan/Pembinaan F2 Urbanisasi H2 Pelepasan asap kilang/ kenderaan F3 Pembakaran terbuka H3 Peningkatan partikel terampai</p> <p style="text-align: right;"><i>[Pilih mana-mana 3]</i></p>	[3 markah]												
	(c)	<p>Kesan perkembangan kegiatan ekonomi dalam mempengaruhi Indeks Pencemaran Udara (IPU) dunia.</p> <p>F1 Pertanian H1 Penerokaan kawasan hutan H1a Aktiviti pembuangan dan pemprosesan sisa pertanian C1 Pembakaran hutan C1a Pembakaran Jerami/ hampas kelapa sawit F2 Pembinaan tapak perindustrian H2 Kerja-kerja pembinaan C2 Habuk/ debu simen F3 Kegiatan perindustrian H3 Pembebasan gas dan habuk kilang C3 Gas karbon dioksida/ CGC</p> <p style="text-align: right;"><i>[Pilih mana-mana 4]</i></p>	[4 markah]												

TAMAT

CADANGAN JAWAPAN

BAB 5: PERGERAKAN PLAT TEKTONIK

BAHAGIAN A: OBJEKTIF

NO	JAWAPAN
1	D
2	C
3	B
4	C
5	B
6	A
7	A
8	D
9	B
10	A
11	A
12	B
13	D
14	A
15	A

BAHAGIAN B: STRUKTUR

1(a)	Apakah jenis pergerakan plat tektonik dalam Rajah 1? F1 Pertembungan Plat /Pertembungan / Pertembungan Plat Benua/Pertembungan Plat Lautan dengan Lautan / Pertembungan Plat Benua dengan Benua / Pertembungan Plat Lautan dengan Plat Benua	[1 markah]
(b)	Nyatakan dua bentuk muka bumi yang terbentuk akibat pergerakan plat tersebut. F1 Banjaran gunung lipat / Banjaran gunung / Gunung lipat F2 Jurang lautan F3 Arka pulau F4 Gunung berapi Pilih mana-mana 2	[2 markah]
(c)	Jelaskan kesan pergerakan plat tersebut terhadap manusia F1 Mengorbankan nyawa H1 Akibat terkena runtuhan / lemas F2 Kemusnahan harta benda	[4 markah]

	<p>H2 Rumah/kenderaan/bangunan/kebakaran</p> <p>F3 Trauma</p> <p>H3 Ahli keluarga terkorban</p> <p>F4 Kos kerajaan meningkat</p> <p>H4 Penyelenggaraan / baik pulih kerosakan</p> <p>F5 Masalah pernafasan</p> <p>H5 Debu-debu / habuk</p> <p>F6 Tsunami</p> <p>H6 Banjir / Tenggelam</p> <p>F7 Pencemaran udara / jerebu</p> <p>H7 Jarak penglihatan terhad</p> <p style="text-align: right;"><i>Pilih mana-mana 4</i></p>	
(d)	<p>Cadangkan langkah mengurangkan kesan akibat pergerakan plat tersebut.</p> <p>F1 Membuat petempatan jauh dari kawasan pinggir pantai / gunung berapi</p> <p>F2 Sistem amaran awal kejadian gempa bumi / Tsunami / DART</p> <p>F3 Penyelidikan dan pembangunan RND</p> <p>F4 Menggunakan teknologi kalis gempa</p> <p>F5 Membina benteng / tembok tepi laut</p> <p>F6 Mengadakan latihan / pendidikan menghadapi bencana</p> <p>F7 Membina bangunan menyerap gegaran / teknologi moden</p> <p>F8 Mengurangkan pembinaan bangunan konkrit</p> <p>F9 Mengwujudkan zon penamparan / tanam pokok bakau</p> <p>F10 Kempen kesedaran alam sekitar</p> <p style="text-align: right;"><i>Pilih mana-mana 3</i></p>	[3 markah]
2 (a)	<p>Namakan lapisan bumi bertanda X dan Z dalam Rajah 2.</p> <p>X : Kerak bumi/ litosfera</p> <p>Y : Mantel</p>	[2 markah]
(b)	<p>Lapisan bumi bertanda X dalam Rajah 2 terbahagi kepada dua lapisan. Namakan lapisan tersebut.</p> <p>i) Sial</p> <p>ii) Sima</p>	[2 markah]
(c)	<p>Jelaskan kesan letusan gunung berapi ke atas sosio ekonomi penduduk setempat</p>	[3 markah]

	<p>F1 Wujudnya perubahan landskap F2 Kemusnahan harta benda/kenderaan/perabot F3 Kemusnahan infrastruktur/jalan raya/keretapi/pelabuhan F4 Menggalakkan pelancongan F5 Peluang perniagaan / menjual cenderahati F6 Sumber tenaga alternatif/tenaga geoterma F7 Menggalakkan aktiviti pertanian F8 peluang pekerjaan / juru pelancong / dll</p> <p style="text-align: right;"><i>Pilih mana-mana 3</i></p>	
(d)	<p>Mengapakah lapisan bumi bertanda X penting kepada manusia?</p> <p>F1 Sumber perlombongan H1 Sumber mineral / bijih timah / dll</p> <p>F2 Kegiatan pertanian H2 tanah yang subur</p> <p>F3 Pelancongan /agro pelancongan H3 alam semulajadi / pantai / pulau /dll</p> <p>F4 Petempatan H4 tanah yang rata</p> <p style="text-align: right;"><i>Pilih mana-mana 3</i></p>	[3 markah]

BAHAGIAN C: ESEI

1(a)	<p>Faktor yang mempengaruhi kejadian tsunami seperti dalam Sumber 1.</p> <p>F1 Gempa bumi dasar laut yang menghasilkan ombak besar F2 Aktiviti gunung berapi dasar laut menyebabkan gempa bumi F3 Pertembungan plat bumi F4 Terletak di Lingkaran Api Pasifik F5 Gelinciran F6 Pegerakan magma dalam lapisan mantel F7 Arus perolakan di lapisan mantel mencetus letusan gunung berapi / gempa bumi F8 berlaku Letusan gunung berapi</p> <p style="text-align: right;"><i>Pilih mana-mana 4</i></p>	[4 markah]
(b)	<p>Kesan fenomena tersebut terhadap manusia dan alam sekitar.</p> <p>F1 Habitat flora musnah F2 Habitat fauna musnah F3 Berlaku kejadian tanah runtuh F4 Struktur tanah longgar F5 Kepupusan flora F6 Kepupusan fauna F7 Berlaku pencemaran air / sampah sarap / lumpur</p>	[4 markah]

	<p>F8 Wujudnya perubahan landskap F9 Kemusnahan harta benda/kenderaan/perabot F10 Kemusnahan infrastruktur/jalan raya/keretapi/pelabuhan F11 kehilangan nyawa / lemas / mati F12 wabak penyakit /taun / pengakit bawaan air F13 kehilangan pekerjaan / kegiatan ekonomi berkurang F14 Kemusnahan harta benda/ kenderaan/ perabot F15 Trauma F16 Sistem komunikasi terganggu F17 Wujud kawasan petempatan baru F18 Kos pembinaan semula tinggi / kos pemulihan tinggi F19 Kerugian</p> <p style="text-align: right;"><i>Pilih mana-mana 4</i></p>																			
